

Headline	Badan kawal selia selesai isu rumah mampu milik
MediaTitle	Berita Harian
Date	26 Jul 2017
Section	Bisnes
Page No	B1,B3
Language	Malay
Journalist	Mahanum Abdul Aziz
Frequency	Daily



# Badan kawal selia selesai isu rumah mampu milik

➔ Tangani ketidakpadanan bekalan, permintaan hartanah

Oleh **Mahanum Abdul Aziz**  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**K**erajaan menimbang kemungkinan menubuhkan sebuah badan kawal selia bagi menyelesaikan isu rumah mampu milik di negara ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata penubuhan badan seperti itu juga penting bagi menangani ketidakpadanan bekalan dan permintaan hartanah di negara ini.

Beliau berkata, definisi berbeza dalam kalangan pemaju mengenai rumah mampu milik menyebabkan ia tidak menepati kemampuan pembeli ur-

tuk memiliki rumah berkenaan.

#### Harga berbeza

"Definisi rumah mampu milik bagi kebanyakan pemaju hartanah bermula pada harga lebih RM300,000 seunit, bertentangan dengan kaji selidik Bank Negara Malaysia iaitu RM200,000 ke bawah.

"Saya akan berjumpa dengan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk berbincang mengenai hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi pleno bertajuk 'Tumpuan Terhadap Asas Malaysia' pada persidangan Invest Malaysia Kuala Malaysia 2017 (IMKL 2017) di Kuala Lumpur, semalam.



Antara rumah mampu milik yang sudah siap dibina

Baru-baru ini, Persatuan Pembeli Rumah (HBA) mencadangkan penubuhan Pasukan Petugas Khas Rumah Mampu Milik yang berfungsi sebagai pusat sehati bagi memantau keperluan perumahan mampu milik dalam kalangan golongan berpendapatan menengah di negara ini.

#### Dasar awam

Setiausaha Agungnya, Chang Kim Loong dipetik sebagai berkata, penubuhan pasukan petugas khas seumpama itu perlu berikutan semakin ramai kumpulan berpendapatan menengah berhadapan kesukaran membeli rumah, termasuk kategori rumah mampu milik akibat kenaikan kos sara hidup.

Mengulas isu sama, Timbalan

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, berkata satu dasar awam yang mantap, inovatif dan tersusun adalah penting bagi menangani cabaran menyediakan perumahan mampu milik.

Justeru, katanya, adalah penting ekosistem penyampaian perumahan mampu milik sedia ada dipertingkatkan bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

"Ekosistem itu termasuk penubuhan pangkalan data bersepadu bekalan dan permintaan rumah, pembangunan model pembiayaan inovatif bagi membiayai rumah mampu milik serta mempelbagaikan kerjasama untuk menyediakan rumah mampu milik," katanya.